

## Gunteng Terbang Bantu Belia Tingkat Ekonomi



Johor Bahru, 24 November- Isu kekangan masa dalam kalangan masyarakat kota memberi inspirasi dan idea buat Duta Jauhar yang terdiri daripada mahasiswa Johor Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini memperkenalkan sebuah projek yang dinamakan Gunteng Terbang. Gunteng Terbang adalah satu servis yang menjalankan khidmat gunting rambut dan solekan dengan bayaran mengikut pakej yang dipilih. Pada masa ini, servis berbayar ini hanya baru meluaskan empayarnya di sekitar Johor Bahru sahaja iaitu sekitar Larkin dan Pasir Gudang.

Menurut Amizah Ami, Exco Media Duta Jauhar 4.0 UMP dari Fakulti Pengurusan Industri berkata, buat masa ini servis ini hanya terbuka untuk rakyat Johor Bahru sahaja. Tetapi pihak kami berharap pada masa akan datang, servis ini akan terbuka kepada umum. Duta Jauhar mensasarkan peserta yang menjadi Skuad Gunteng Terbang ini merupakan golongan belia yang menganggur dan belia bekerja yang berpendapatan rendah iaitu RM1500 ke bawah untuk membantu mereka meningkatkan ekonomi belia dan rakyat Johor Bahru.

"Pelbagai jenis gaya gunting rambut hipster ditawarkan serta pakej-pakej menarik untuk dinikmati. Bukan itu sahaja, malah untuk solekan juga turut menyediakan servis untuk para graduan, raja sehari dan juga untuk wanita yang memerlukan servis ini," katanya.



Selain Itu, servis rumah ke rumah ini juga menawarkan servis percuma setiap 10 kali langganan. Bagi Muhammad Azammuddin Mohd Norman, Pengarah Projek Gunteng Terbang dan Duta Jauhar 4.0 dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP berkata, projek ini dapat membantu meningkatkan pendapatan golongan belia di Johor Bahru selain dapat meningkatkan kemahiran mereka. Menurutnya lagi beliau berharap melalui projek ini peserta dapat menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Tambahnya, pada masa akan datang projek ini akan terus berkembang bukan setakat di Johor Bahru sahaja malahan di seluruh negara. Pihaknya juga merancang untuk menambah perkhidmatan seperti rawatan kuku, rawatan muka dan reflekslogi serta menambah bilangan peserta daripada kalangan wanita sebagai penggunting rambut wanita.

Mereka juga berhasrat mendapatkan sebuah premis dalam masa setahun ini untuk dijadikan tempat operasi utama dengan menyediakan servis yang lengkap untuk pelanggan. Namun, walaupun premis ditubuhkan nanti, on-mobile iaitu servis rumah ke rumah masih terus diaplikasikan.

**Disediakan Awani Rangers UMP Nurul Ishafira Ismail, Darayani Musa dan Nur Afiqah Mohd Dali. Suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat.**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 06-12-2017, 13:09:22